

**FOR IMMEDIATE RELEASE**

**UNTUK KENYATAAN SEGERA**

**MDEC LANCARKAN KEMPEN #DIGITALVSCOID DENGAN  
KERJASAMA SYARIKAT TEKNOLOGI GAIN UNTUK MEMBANTU PKS  
TERKESAN AKIBAT COVID-19, SERTA MENGURANGKAN KESAN  
COVID-19 TERHADAP EKONOMI**

- *Kempen bermula dengan penyertaan 80 syarikat teknologi yang menawarkan perkhidmatan secara percuma atau pemberian diskaun kepada syarikat PKS dan syarikat mikro dalam situasi ketidakpastian ekonomi.*
- *PKS disasarkan mampu meneruskan perniagaan, menjaga kebajikan pekerja dan menerima sokongan sosioekonomi.*

**KUALA LUMPUR, 25 Mac 2020** – Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) melancarkan kempen #DigitalvsCovid bagi membantu syarikat teknologi menggunakan penyelesaian teknologi digital sebagai usaha mengurangkan impak ekonomi akibat penularan Covid-19 dan lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang diumumkan kerajaan.

Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Surina Shukri berkata, kempen berkenaan mendapat sambutan menggalakkan apabila disertai 80 syarikat yang sebelum ini terlibat dengan Program Inovasi dan Pamacuan Global (GAIN) kendalian agensi berkenaan.

Katanya, kesemua syarikat ini mempunyai reputasi di peringkat global dengan kemampuan mengembangkan perniagaan masing-masing di pasaran tempatan dan luar negara melalui penggunaan teknologi dalam operasi mereka.

“Walaupun terdapat pelbagai pelan kontingensi untuk mengurangkan kesan akibat Covid-19, MDEC berpandangan mungkin masih terdapat syarikat berstatus PKS dan mikro yang tidak mampu bertahan ketika keadaan sukar ini apabila wabak berkenaan telah menjadi pandemik di seluruh dunia,”

“Oleh itu, antara langkah yang sesuai untuk membantu perniagaan PKS dan mikro yang terjejas ialah menerusi kaedah automasi dan pendigitalan. MDEC berbangga mengumumkan kesemua 80 syarikat ini bersedia untuk menawarkan kepakaran serta pengalaman yang dimiliki mereka dan kumpulan sasar perlu mengambil peluang ini,” katanya.

Surina berkata, proses pelaksanaan kempen berkenaan juga dapat dilaksanakan dalam masa singkat apabila MDEC tidak memerlukan masa



yang lama untuk mendapatkan persetujuan syarikat GAIN membantu PKS tempatan dalam tempoh mencabar ini.

“Lebih membanggakan apabila terdapat syarikat teknologi tidak berstatus GAIN turut menunjukkan minat untuk menyumbangkan kepada program ini dengan menawarkan kepakaran masing – masing mengikut garis panduan ditetapkan,”katanya.

Senarai lengkap syarikat terlibat dengan kempen ini boleh dilayari menerusi laman web <http://mdec.my/home/c19techrelief> dan akan dikemaskini dari semasa ke semasa berdasarkan kemungkinan lebih banyak syarikat GAIN akan tampil menawarkan bantuan.

Sambil merakamkan ucapan terima kasih terhadap kesudian syarikat teknologi yang tampil menawarkan perkhidmatan untuk membantu komuniti perniagaan di Malaysia, Surina turut berkongsi beberapa kesukaran yang dihadapi perniagaan PKS sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan.

“PKS berdepan masalah untuk mendapatkan rangkaian produk, kelewatan proses perniagaan yang memerlukan kelulusan, sumber terhad untuk berurusan dengan pihak berkepentingan, kekangan menjalankan urus niaga bukan tunai selain cabaran menguruskan tenaga kerja yang ramai. Namun demikian, MDEC yakin syarikat GAIN boleh menawarkan bantuan dalam aspek ini,”jelasnya.

“Pada masa sama, bahagian ‘*Global Growth Acceleration (GGA)*’ MDEC akan terus menjejaki industri berasaskan teknologi digital yang relevan bagi mengembangkan penyertaan dalam ekonomi digital,” katanya.

Kempen #DigitalvsCovid MDEC bertujuan untuk memupuk kesedaran dan mengurangkan penyebaran wabak Covid-19 turut disertakan dengan pelancaran siri video pendek menerusi saluran media sosial bagi menggalakkan perniagaan menggunakan pendekatan digital untuk mengekang penyebaran virus.

Kempen ini turut melibatkan selebriti tempatan yang aktif di media sosial termasuk Alif Satar yang mana video berkaitan kempen yang dimuat naik penyanyi itu mendapat lebih 45,000 tontonan dalam talian. Selain itu pengarah terkenal, Erma Fatimah dan pelakon, Fizo Omar turut terlibat menerusi perkongsian video di media sosial masing -masing . Kemaskini lanjut akan dimuatnaik dalam kesemua platform media sosial MDEC.

#



## **Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)**

Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia atau Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) merupakan agensi di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia, yang diamanahkan untuk menerajui pembangunan ekonomi digital negara. Ditubuhkan pada tahun 1996, mandat MDEC termasuk memacu penerapan mengguna pakai teknologi digital di kalangan rakyat, pembangunan bakat yang mampu memenuhi kehendak industri, merangka dasar-dasar ekonomi digital serta mewujudkan juara-juara dalam bidang ekonomi digital di peringkat global.

Untuk memastikan masa depan Malaysia menghadapi era digital terjamin, MDEC akan bersandarkan rekod prestasinya yang kukuh, kredibiliti di kalangan industri dan kepimpinan yang berpengalaman untuk mengaitkan, memangkinkan dan mengkomersialkan inisiatif-inisiatif digital yang bertujuan untuk menggiatkan kemajuan ekonomi digital yang sedang berkembang dengan pesat dan mampan serta menjadikan kepelbagaian dan keterangkuman sebagai terasnya.

MDEC juga akan terus memacu pertumbuhan ekonomi digital berimpak tinggi selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan mengukuhkan reputasi negara sebagai Nadi Digital ASEAN.

*#BinaBersama #MemacuEkonomiDigitalMalaysia #DigitalVsCovid*

Untuk mengetahui lebih lanjut tentang inisiatif-inisiatif ekonomi digital yang dilaksanakan oleh MDEC sila layari [www.mdec.my](http://www.mdec.my) atau ikuti kami di:

Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/>

Twitter: @mymdec

### **Untuk menghubungi bahagian media MDEC:**

#### **Shyla Sangaran**

Brand & Strategic Partnerships  
Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)  
Email: [shyla.sangaran@mdec.com.my](mailto:shyla.sangaran@mdec.com.my)  
Mobile: +60(14) 932 5383